

**SEMBAH ALU-ALUAN**

**SEMPENA KEBERANGKATAN DULI YANG TERAMAT  
MULIA PADUKA SERI PENGIRAN MUDA MAHKOTA  
PENGIRAN MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH  
BERKENAN MENGADAKAN LAWATAN KE LOJI PENAPIS  
MINYAK DAN PETROKIMIA DI PULAU MUARA BESAR**

**OLEH**

**YANG BERHORMAT DATO SERI SETIA DR. AWANG HAJI  
MAT SUNY BIN HAJI MD. HUSSEIN  
MENTERI TENAGA (TENAGA DAN TENAGA MANUSIA)  
DAN PERINDUSTRIAN**

**PADA HARI KHAMIS**

**23 JAMADILAKHIR 1440 / 28 FEBRUARI 2019**

Assalamu'alaikum Warahmatullaahi taala Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Raheem.

Alhamdulillahi rabbil 'alameen wassalatu wassalamu 'ala ashrafil anbiiya e-wal murssalin, Sayyidina Muhamadin wa 'ala aalihi wasahbihi ajma'een.

Mengadap Kehadapan Majlis  
Duli Yang Teramat Mulia  
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota  
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah  
Ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri  
Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah  
Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri

**Beribu Ampun,**

1. Dengan segala hormat dan penuh takzimnya, hamba Duli Tuanku selaku Penggerusi Bersama bagi Jawatankuasa Pandu Kemajuan Pulau Muara Besar dan sekalian Ahli-Ahli Jawatankuasa Pandu, terlebih dahulu merafakkan syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala, dengan amat sukacita menjunjung kasih setinggi-tingginya atas kurnia sabda Duli Tuanku berangkat bercemar duli ke Taman Perindustrian Pulau Muara Besar pagi ini.
2. Keberangkatan Duli Tuanku ini mencerminkan keprihatinan Duli Tuanku mengenai dengan agenda pembangunan negara.

**Beribu Ampun disembahkan,**

3. Taman Perindustrian ini merupakan salah satu daripada 10 tapak perindustrian yang dibukakan kepada pelabur langsung asing dibawah pengurusan Darussalam Enterprise. Ia mempunyai keluasan 955 hektar sebelum *reclamation* dan dikhaskan bagi aktiviti-aktiviti minyak dan gas hiliran serta perindustrian marin.
4. Pembangunan Loji Penapis Minyak dan Petrokimia ini merupakan projek pertama yang di tapak ini dan merupakan

projek usahasama Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd., iaitu syarikat usahasama diantara Damai Holdings Ltd di bawah Strategic Development Capital Fund, Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan syarikat pelabur langsung asing Zhejiang Hengyi Company Limited dari Republik Rakyat China. Projek ini mempunyai jumlah pelaburan kira-kira 3.4 billion ringgit US (USD) dan keluasan 276 hektar.

5. Alhamdulillah, status pembinaan telah mencapai 78 peratus (%), dan dijangka siap pada bulan Julai 2019 dan akan mula beroperasi, In Shaa Allah, penghujung tahun 2019. Loji tersebut akan memulakan pengeluaran produk petroleum bagi kegunaan dalam negeri dan bagi tujuan eksport, termasuk pengeksportan bahan-bahan penggunaan industri tekstil di luar negeri. Pada kemuncak pengoperasiannya, loji ini akan mampu memproses 175 ribu tong minyak mentah sehari, di mana 12 ribu tong minyak adalah bagi keperluan dalam negeri.<sup>1</sup> Ini mendukung usaha kearah Negara yang mampu diri, dimana ianya akan menyumbang kepada pembekalan produk petroleum dalam negeri yang mencukupi dan lebih terjamin.

6. Projek ini dihasratkan untuk menyumbang sebanyak kira-kira 1.33 bilion ringgit US (USD) kepada Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang tahun 2020. Di samping itu, ianya akan menjana sebanyak 1,665 peluang pekerjaan secara langsung, dimana sekurang-kurangnya 50 peratus akan dikhaskan kepada pekerja-pekerja tempatan pada permulaannya, dan seterusnya akan meningkat kepada 90 peratus pada masa akan datang.

7. Projek ini turut menghasilkan limpah kesan ekonomik kepada perusahaan-perusahaan tempatan bagi menampung pembinaan serta pengoperasian loji. Dalam fasa pembinaan sahaja, 82 buah perusahaan tempatan telah dianugerahkan kontrak oleh Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. bagi beberapa perkhidmatan, termasuk pembekalan barang pembinaan, perkhidmatan ukuran pembinaan, lojistik, pembekalan produk kimia, pembersihan dan lain-lain.

---

<sup>1</sup> Maximum Output: 8 mtpa (10% is dedicated for local downstream industries)

**Beribu Ampun,**

8. Komitmen padu yang berterusan diantara Kementerian-Kementerian, agensi-agensi berkepentingan serta Syarikat Hengyi Industries Sdn. Bhd. merupakan asas utama bagi menjayakan projek ini.

9. Sebuah Jawatankuasa Pandu telah ditubuhkan semenjak bulan Julai 2018, yang kini dikenali sebagai Jawatankuasa Pandu Kemajuan Pulau Muara Besar. Peranannya adalah bagi memastikan pemantauan, perancangan dan pengawalseliaan hal ehwal berkaitan dengan Pulau Muara Besar secara holistik agar manfaat sosio-ekonomik daripadanya dimaksimakan; serta hal ehwal *health, safety and environment (HSE)*, keselamatan, kesejahteraan para pekerja, kedaulatan Negara dan imej Negara sebagai negara hijau sentiasa dijaga.

10. Sebelum berundur diri, abis hamba Duli Tuanku, mewakili Ahli-Ahli Jawatankuasa Pandu serta Ahli-Ahli Jawatankuasa-Jawatankuasa Kerja dibawahnya dan agensi-agensi lain merasa besar hati dapat kehormatan untuk menjunjung keberangkatan Duli Tuanku bagi meninjau tapak loji pada pagi ini, disamping memberikan sembah pencerahan mengenai hal-ehwal mengenainya.

11. Akhirnya, hamba Duli Tuanku menjunjung ampun dan maaf jika terdapat sorok langkah dan tutur kata yang kurang manis dalam mengendalikan atur cara keberangkatan Duli Tuanku di Majlis ini. Di samping itu, dirakamkan setinggi-tinggi penghargaan di atas kehadiran:

1. Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet;
2. Yang Berhormat Pengiran Haji Mohamed bin Pengiran Haji Osman, Ahli Majlis Mesyuarat Negara dan Ketua Kampung Masjid Lama Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong
3. Yang Mulia Timbalan-Timbalan Menteri

4. Yang Mulia Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei
5. Yang Mulia Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei
4. Yang Mulia Setiausaha-Setiausaha Tetap
5. Yang Mulia Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap
6. Mr Qui Jian Lin, Pengurus Zhejiang Hengyi Group Company Limited
7. Pegawai-Pegawai, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian

12. Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam memastikan kelancaran Majlis pada hari ini.

Sekian. Wabillahit Taufiq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Hamba Duli Tuanku menjunjung anugeraha.